



AMIR (dua dari kiri) bersama pasukan bantuan kecemasan pada taklimat media mengenai TMP di Pusat Maklumat MRT, Kuala Lumpur, semalam.

Pelan lancar laluan trafik

Kesesakan di tapak MRT diatasi

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp) mengubal Pelan Pengurusan Trafik (TMP) di kawasan pembinaan projek My Rapid Transit (MRT), bagi memastikan hanya gangguan minima kepada aliran trafik.

Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik MRT Corp, Amir Mahmood Razak berkata, TMP yang diurus pakar trafik berdasarkan garis panduan kerajaan, dibentuk bagi membolehkan pengguna jalan raya dan pejalan kaki melalui kawasan pembinaan dengan selamat.

"TMP akan menangani tiga isu utama iaitu langkah mengu-

rangkan kesesakan trafik; maklumat awam mengenai lencongan dan penutupan jalan dan langkah keselamatan bagi pengguna jalan raya dan pejalan kaki.

"Tidak ada lorong ditutup ketika waktu puncak, kami hanya akan menutup lorong pada tengah malam ketika aliran trafik kurang," katanya pada taklimat media mengenai TMP di Pusat Maklumat MRT, di sini semalam.

Projek MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer itu akan memiliki 31 stesen dan menyediakan perkhidmatan kepada 1.2 juta penumpang apabila siap pada 2016.

Amir Mahmood berkata, MRT Corp akan menyebarkan maklumat menerusi media dan saluran mereka sendiri selewat-lewatnya empat minggu sebelum mana-mana pembinaan pakej bermula.

Terdapat lapan pakej bertingkat dan satu pakej bawah tanah dalam projek itu.

"TMP akan dilaksana secara berasingan oleh kontraktor tetapi diurus kami, malah kami akan menempatkan satu pasukan tindak balas kecemasan di setiap pakej bagi menangani kejadian tidak diingini," katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai TMP, rang ramai boleh melayari laman web www.kvmrt.com.my, laman Twitter @MRTMalaysia atau menghubungi talian 1-800-82-6868.



TMP akan menangani tiga isu utama iaitu langkah mengurangkan kesesakan trafik; maklumat awam mengenai lencongan dan penutupan jalan dan langkah keselamatan bagi pengguna jalan raya dan pejalan kaki

Amir Mahmood Razak
Pengarah Perhubungan Awam dan Komunikasi Strategik MRT Corp